

**PENILAIAN IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN WILAYAH  
EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER- *EAST COAST ECONOMIC REGION*)  
DALAM MENINGKATKAN STATUS SOSIOEKONOMI MASYARAKAT  
SETEMPAT (2008-2017)**

**ABSTRAK**

Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2008 merupakan asas untuk membimbing pembangunan ECER hingga tahun 2020. Projek berimpak tinggi ini bertujuan untuk mengurangkan jurang sosioekonomi serantau, membasmi kemiskinan, dan meningkatkan pengagihan pendapatan serta kekayaan dengan cara yang mampan. Kajian ini menilai impak sosioekonomi projek dan program pembangunan ECER melalui pengamalan faktor kritikal kejayaan (CSFs). Kajian ini melibatkan empat buah negeri di wilayah ECER iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan, dan daerah Mersing di Johor Timur. Kaedah gabungan (mixed methods) dijalankan, di mana kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi menjawab kesemua objektif dan soalan kajian. Tinjauan soal selidik telah diedarkan ke atas 263 orang peserta program pembangunan modal insan di ECER diikuti oleh temu bual mendalam terhadap 35 orang informan utama, di samping tiga sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan kaedah pemerhatian digunakan sepanjang kajian lapangan berlangsung. Perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) digunakan untuk menganalisis data soal selidik dan analisis tematik digunakan untuk menganalisis data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa impak program pembangunan ECER adalah sederhana namun memberi kesan positif kepada peserta program dalam meningkatkan status sosioekonmi mereka. Program

pembangunan ECER juga memberi impak positif dari aspek pelaburan, peluang pekerjaan, dan keusahawanan kepada negeri yang terlibat. Kajian juga mendapati bahawa pengamalan faktor kritikal kejayaan merupakan landasan utama untuk memaksimumkan impak program pembangunan yang telah dijalankan kepada masyarakat setempat. Hasil dapatan dari kajian ini boleh digunapakai untuk menambahbaik keberkesanan praktis semasa aktiviti pemantauan dan penilaian projek dan program pembangunan oleh kerajaan.

**IMPACT EVALUATION OF THE *EAST COAST ECONOMIC REGION*  
(*ECER*) DEVELOPMENT PROGRAMMES IN IMPROVING THE SOCIO-  
ECONOMIC STATUS OF THE LOCAL COMMUNITY (2008-2017)**

**ABSTRACT**

The ECER Master Plan approved by the Malaysia government in 2008 has become the blueprint that guides the development of ECER until 2020. The high impact programmes and projects aim to decrease the socio-economic inequalities, eliminate poverty, and improve the income and wealth distribution in a sustainable manner. This study aims to evaluate the socio-economic impacts brought by the development programmes and projects in ECER from 2008 to 2017 through the practice of the Critical Success Factors (CSFs). The study was implemented in four ECER states namely Pahang, Terengganu, Kelantan, and the Mersing district in East Johor. The study was conducted using mixed methods research, where both qualitative and quantitative approaches were utilised in answering the research questions and objectives. The study distributed the survey questionnaire to 263 participants involved in the human capital development programmes, followed by in-depth interviews with 35 key informants as well as three Focus Group Discussion (FGDs) sessions together with observation throughout the field work process. The Statistical Package for Social Science (SPSS) computer software was used to analyse the data from the questionnaire survey and thematic analysis was used to analyze the qualitative data. The findings indicate a moderate impact of ECER development programmes where it positively improved the socio-economic status of the participants. The ECER development programmes also brings positive impacts to the participating states particularly in the aspect of investment, employment, and

entrepreneurship opportunities. The study also found that the practice of critical success factors has become the main platform to maximize the impacts of the development programmes implemented among the local community. The obtained findings of this study can be used to improve the current practice of monitoring and evaluation of government projects and programmes effectively.